

BAB : 6

WAKIL ORANG INDIA DALAM KERAJAAN SEBAGAI MENTERI BURUH

Sebagai pemimpin orang India, Tun Sambanthan dapat meneruskan tanggungjawabnya dengan memperbaiki nasib buruh apabila beliau dilantik sebagai Menteri Buruh dalam kabinet pertama Persekutuan yang ditubuhkan selepas Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955. Beliau memegang jawatan ini dari tahun 1955 hingga 1957. Beliau dilantik ke dalam jawatan ini adalah sesuatu yang rasional kerana perlu adanya seorang pemimpin India yang dapat berkomunikasi dengan kaum buruh yang majoritinya terdiri daripada orang Tamil. Pada tahun 1955, 53.3% daripada jumlah buruh ladang (309 198 orang) adalah keturunan orang India diikuti dengan orang Cina (28.8%) dan orang Melayu (17.3%).¹

Dalam kabinet yang ditubuhkan pada tahun 1955, portfolio Jabatan Perindustrian dan Hubungan Sosial² yang diwujudkan di bawah *Sistem Ahli*³ telah bertukar nama

¹ Selvakumaran Ramachandran, **Indian Plantation Labour in Malaysia**, S. Majeed & Co., Kuala Lumpur, 1994,hlm.85.

² Jabatan Buruh yang beroperasi sejak tahun 1904 merupakan Jabatan tertua dan terbesar dalam portfolio ini(Laporan Jabatab Buruh, 1956,hlm.2). Ia berperanan untuk mengendalikan dan melaporkan hal bersabit buruh dan perundangan dari masa ke semasa. Jabatan Perindustrian dan Hubungan Sosial bertindak sebagai badan untuk menasihati pekerja, kesatuan sekerja dan majikan berkaitan dengan kebajikan pekerja. Ia juga bertindak sebagai badan penasihat kepada Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kebajikan Sosial, Penasihat Kesatuan Sekerja, Jabatan pendaftar Kesatuan Sekerja dan Jabatan Sumber Manusia. Kelima-lima jabatan ini wujud secara berasingan tetapi mempunyai fungsi bertindih. Oleh kerana buruh menjadi objek utama maka Jabatan Buruh telah dianggap sebagai badan induk kepada lima jabatan lain. Portfolio Perindustrian dan Hubungan Sosial diwujudkan di bawah Sistem Ahli yang diperkenalkan pada tahun 1951. Jabatan Buruh dan jabatan lain telah diketakkan di bawah portfolio ini yang diketuai oleh J.D. Hodgkinson. Walaupun Sistem Ahli bertujuan memberi peluang kepada orang tempatan untuk mentadbir negara tetapi Jabatan Perindustrian dan Hubungan Sosial masih diketuai oleh seorang Inggeris. Ini kerana negara belum mencapai kemerdekaan dan kawalan ke atas kaum buruh adalah penting bagi meningkatkan ekonomi yang menjamin kekayaan orang British. Bermula dari tahun 1951, langkah-langkah untuk berkerajaan sendiri semakin rancak diatur. British membenarkan Tanah Melayu membentuk kerajaan sendiri melalui proses demokrasi. Pilihanraya Umum pertama bagi seluruh Persekutuan Tanah melayu telah diadakan pada bulan Ogos 1955. Dengan itu, secara rasminya Sistem Ahli juga dibubarkan. R.H. Oakley,

kepada Kementerian Buruh dan diketuai oleh seorang Menteri. Tun Sambanthan merupakan Menteri Buruh pertama dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Tugas seorang Menteri Buruh bukan mudah. Pada tahun 1955 senario politik Tanah Melayu menggambarkan pentadbiran Tanah Melayu masih dikuasai oleh pihak British. Tun Sambanthan telah dikelilingi oleh pegawai-pegawai British untuk menunjuk ajar tentang cara-cara pentadbiran. Walaupun jangkamasa menjadi Menteri Buruh terlalu singkat tetapi Tun Sambanthan telah melaksanakan beberapa tugas penting yang boleh dianggap sebagai 'asas' dalam proses pembentukan kerajaan sendiri. Di antara langkah terawal adalah **pelaksanaan cadangan proses Malayanisasi dalam Perkhidmatan Awam**.

Tugas pertama yang dipikulnya ialah obligasi untuk mencorakkan pentadbiran kerajaan sendiri. Kesemua menteri dalam kabinet pertama memikul tugas untuk mengubah corak pentadbiran ala British. Bagi mengubah corak pentadbiran, pegawai-pegawai British harus digantikan. Usaha ini juga mempercepatkan proses kemerdekaan.

Orang British dan penduduk Tanah Melayu yang berpendidikan Inggeris mempunyai jawatan yang lebih baik dalam kerajaan. Walaupun Persekutuan Tanah Melayu belum merdeka, Tun Sambanthan mula melaksanakan cadangan proses Malayanisasi dalam Perkhidmatan awam. Beliau telah mengurangkan pegawai-pegawai Eropah tertinggi dalam *Malayan Civil Service*.⁴ Ia harus dilaksanakan secara

M.C.S. Commissioner for Labour Federation of Malaya, Annual Report of the Labour Department (for the year 1955), Kuala Lumpur, 1956, hlm. 3 dan 4.

³ Ramlah Adam, **Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 243. Sistem Ahli yang dijalankan pada 1hb Februari 1951 merupakan satu sistem 'mini-cabinet' dengan ahli-ahlinya berperanan sebagai seorang menteri. Ia bertujuan untuk memberi pengalaman pentadbiran kepada orang tempatan. Ia adalah tingkat pertama ke arah kemerdekaan. Di bawah sistem ini, lapan jabatan diwujudkan. Enam orang Melayu, seorang Cina dan India dilantik sebagai ketua jabatan (ahli).

⁴ Kementerian Buruh, **Laporan Jabatan Buruh**, Government Printers, Kuala Lumpur, 1956, hlm. 2.

berperingkat-peringkat kerana kerajaan Perikatan masih bergantung kepada tunjuk-ajar dan nasihat mereka dalam pentadbiran negara. Pada masa yang sama, penduduk Tanah Melayu diberi peluang untuk mempelajari daripada pegawai-pegawai Eropah supaya boleh mentadbir kerajaan sendiri, kelak.

Tambahan, pegawai Eropah tidak dapat dihentikan dengan serta-merta kerana kelayakan mereka dari segi akademik dan latihan. Di mana kedua-dua ciri ini memang tidak dapat dipenuhi oleh penduduk Tanah Melayu ketika itu. Misalnya, pegawai-pegawai Eropah selalunya diarahkan untuk mempelajari bahasa Melayu, bahasa Cina atau Tamil. Mereka yang belajar bahasa Tamil telah dihantar ke India untuk menambahkan pengetahuan dalam bahasa tersebut. Kesemua ini dilakukan untuk:

"... obtain a knowledge of the peoples concerned of their background and of their habits, customs, religion, psychology and susceptibilities".⁵

Semasa berada di Persekutuan Tanah Melayu, pegawai - pegawai Eropah sanggup mempelajari bahasa asing bagi memudahkan komunikasi sehari-hari mereka dalam urusan pentadbiran. Tun Sambanthan juga mahu rakyat Persekutuan Tanah Melayu mencontohi sikap yang ditunjukkan oleh pegawai Eropah ini agar dapat mempercepatkan proses pentadbiran kerajaan sendiri. Pada waktu itu, satu perkara yang tidak dapat dielakkan oleh sesiapa yang ingin menyertai Perkhidmatan Awam adalah penguasaan bahasa Inggeris. Oleh kerana Kerajaan Perikatan juga tidak berhasrat untuk menghapuskan bahasa penjajah ini, maka adalah wajar bagi rakyat Persekutuan Tanah Melayu untuk mempelajarinya agar dapat mengambil alih tempat pegawai Eropah dalam

⁵ Kementerian Buruh, **Laporan Jabatan Buruh**, Government Printers, Kuala Lumpur, 1954, hlm. 3.

Perkhidmatan Awam. Dalam keadaan sedemikian, ramai orang India khasnya keturunan Tamil-Ceylon yang berpendidikan Inggeris mula ditawarkan pekerjaan dalam kerajaan.

Hasrat Tun Sambanthan menjadi kenyataan apabila *Employment Exchange Service*⁶ dimulakan di bandar-bandar besar seperti Ipoh, Kuala Lumpur, Klang, Seremban, Melaka dan Johor Bahru untuk mencari pekerjaan yang sesuai bagi penduduk Tanah Melayu tanpa perbezaan jantina. Bagi melaksanakan kewajiban ini, Tun Sambanthan telah mencadangkan penubuhan *Local Advisory Committee*⁷ (Jawatankuasa Penasihat Tempatan) di tiga pusat *Employment Exchange Service* iaitu di Pulau Pinang, Ipoh dan Kuala Lumpur.

Ahli Jawatankuasa *Employment Exchange Service* dilantik oleh Menteri Buruh. Ia bertujuan untuk menasihati dan membantu Menteri Buruh berkaitan dengan masalah pekerjaan dan pengangguran. Jawatankuasa ini akan memastikan calon yang berkelayakan mendapat pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam. Ia juga memainkan peranan bagi penempatan pegawai Perkhidmatan Awam di seluruh Persekutuan Tanah Melayu.

Usaha sedemikian telah membantu penduduk Tanah Melayu untuk memperolehi pekerjaan setaraf dengan kelayakan pendidikan mereka. Pada tahun 1955 dan selepasnya, keadaan bukan seperti zaman British. Anak petani tidak semestinya menjadi petani seperti dilihat dalam dasar *pecah dan perintah* yang diamalkan oleh British. Rakyat Persekutuan Tanah Melayu dengan kelayakan akademik yang sesuai boleh ditempatkan dalam Perkhidmatan Awam supaya rancangan Malayanisasi berjaya. Tun Sambanthan,

⁶ Kementerian Buruh, **Laporan Jabatan Buruh**, Government Printers, Kuala Lumpur, 1956, hlm. 15. Dasar British 'pecah dan perintah' telah menetapkan anak petani mesti bekerja di sawah, anak penoreh getah di estet dan anak pelombong di lombong timah.

⁷ Ibid., hlm. 16.

selaku Menteri Buruh telah memberi tumpuan dalam perjalanan kerja Jawatankuasa *Employment Exchange Service*. Walaupun ia akan mengambil masa yang lama tetapi beliau telahpun mengorak langkah untuk menempatkan orang tempatan dalam Perkhidmatan Awam. Dalam usaha ini, ramai orang India yang berpendidikan Inggeris diambil untuk berkhidmat dengan kerajaan walaupun peluang terbuka kepada semua penduduk Persekutuan Tanah Melayu yang berkelayakan.

Tun Sambanthan juga **menguatkuasakan pelaksanaan undang-undang Buruh** pada tahun 1955. Sebagai pemimpin orang India, beliau merasakan pelaksanaan undang-undang Buruh dapat menjaga kebijakan buruh India khasnya di estet.

“...the remarkable success was largely due to the implementation of the Employment Act 1955 which requires all employers to observe certain minimum standards of work, such as working hours, rest periods, weekly rest days as well as observance of public holidays and annual paid leave.”⁸

Undang-undang Buruh adalah suatu keperluan semasa dan dianggap penting kerana ia adalah satu-satunya cara bagi menjaga kebijakan kaum buruh daripada terus ditindas oleh majikan.

Undang-undang Buruh mula dilaksanakan pada 1hb Disember 1955.⁹ Ia mengandungi 175 bahagian. Kemungkinan sekali penggubalan undang-undang buruh ini telah dibuat sejak Sistem Ahli diperkenalkan pada tahun 1951.¹⁰ Ini kerana tiada sebarang catitan tentang usul rang undang-undang dalam laporan rasmi *Legislative Council Debates, 30th August 1955 to 13th September, 1956*. Keperluan buruh hanya dapat dipenuhi dengan

⁸ Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, S. Majeed & Co., Kuala Lumpur, 1994, hlm. 268.

⁹ Kementerian Buruh, *Buku Penerangan Undang-undang Buruh 1955*, Government Printers, Kuala Lumpur, 1955, hlm.1.

pelaksanaan undang-undang. Dengan itu, Tun Sambanthan telah menguatkuasakan

Undang-undang Buruh 1955.

Walaupun terdapat 175 bahagian dalam Undang-undang Buruh 1955 tetapi hanya beberapa perkara¹¹ sahaja yang memberi penerangan jelas. Antaranya:

- (a) Buruh tidak boleh berhenti atau dihentikan kerja tanpa notis. Buruh yang mendapat gaji bulanan perlu memberi sebulan notis. Tempoh pemberian notis bergantung kepada tempoh pemberian gaji (bulan atau minggu). Sekiranya seorang buruh telah bekerja selama 7 tahun maka seseorang buruh harus memberi 2 bulan notis. Majikan juga harus mematuhi syarat di atas. Majikan atau buruh harus memberi notis secara bertulis. Seorang buruh juga boleh berhenti kerja tanpa notis tetapi dengan syarat memberi gaji mengikut tempoh bayarannya. Atas sebab disiplin, majikan berhak menyingkirkan pekerjanya.
- (b) Seseorang buruh boleh diberi gaji harian, mingguan atau bulanan. Gaji perlu diagihkan selewat-lewatnya 7 hari selepas tempoh pemberian gaji tamat. Pemotongan gaji boleh dilaksanakan oleh majikan ke atas perkara-perkara seperti pada hari-hari buruh tidak bekerja, sewa rumah atau kemudahan lain yang disediakan oleh majikan seperti cukai pendapatan, wang K.W.S.P. dan sebagainya.
- (c) Seseorang buruh boleh diminta oleh majikan untuk bekerja pada hari cuti dan majikan perlu membayar dua kali ganda gaji hariannya. Seseorang buruh sepatutnya bekerja 44 jam dalam seminggu. Dalam setahun seseorang buruh boleh mengambil 11 hari cuti. Hari-hari pelepasan am adalah Tahun Baru Cina, Thaipusam, 'Good Friday', Hari Buruh, Hari Wesak, Hari Raya Puasa, Hari Raya Aidiladha, Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w., Deepavali dan Hari Krismas. Sekiranya cuti pelepasan ini jatuh pada hari cuti biasa (Ahad) maka keesokannya adalah cuti juga. Buruh yang bekerja pada cuti am ini akan dibayar dua kali ganda gaji. Seseorang buruh boleh mengambil cuti tahunan selama 7 hari. Mereka yang bercuti sakit tidak boleh melebihi 28 hari.
- (d) Seorang kanak-kanak yang sudah berumur 12 tahun sahaja boleh diambil untuk bekerja. Buruh kanak-kanak tidak boleh dilibatkan dalam bidang kejenteraan dan penggalian bumi. Mereka yang terlibat dalam pertukangan tangan perlu didaftar di Jabatan Buruh. Buruh wanita tidak dibenarkan bekerja pada waktu malam. Wanita juga telah mendapat 8 minggu cuti bersalih dan elau.

¹⁰ Kementerian Buruh, **Laporan Jabatan Buruh**, Government Printers, Kuala Lumpur, 1954,hlm. 6.

¹¹ Keterangan susah diperolehi kerana tidak ada rekod yang ditemui walaupun penyelidikan teliti telah dibuat.

- (e) Majikan tidak bertanggungjawab terhadap kemudahan tempat tinggal bagi buruh. Ia adalah di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran atau Majlis Tempatan. Tetapi pengawasan dari segi kebersihan perlu dilakukan oleh majikan.
- (f) Pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh boleh mengadakan pemeriksaan pada bila-bila masa di tempat-tempat kerja. Mereka berhak menyoal buruh dan juga majikan. Mereka juga boleh memeriksa penyata kira-kira, kontrak pekerjaan, rekod gaji buruh dan sebagainya.
- (g) Buruh yang kurang puashati terhadap majikan boleh membuat aduan kepada 'Commissioner of Labour' (Pesuruhjaya Buruh). Sekiranya keputusan Pesuruhjanaya didapati tidak adil buruh atau majikan boleh membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari. Mereka tidak akan dikenakan apa-apa bayaran.

Nyata sekali, Undang-undang Buruh 1955 telah memberi jaminan bertulis ke atas kebijakan kaum buruh dan cuba mengelakkan sebarang bentuk eksplorasi majikan terhadap buruh. Dengan itu, kaum buruh dilindungi oleh undang-undang.

Walaupun terdapat undang-undang yang berkaitan dengan kaum buruh sebelum tahun 1955 tetapi pelaksanaannya kurang berkesan. Ini kerana undang-undang sebelum tahun 1955, hanya memfokuskan kepada satu-satu masalah bersabit dengan buruh sahaja. Misalnya, 'Industrial Disputes Order' 1951 hanya digubal bagi mengawal mogok. Manakala, Undang-undang Buruh 1955 adalah peraturan-peraturan bertulis khas ditujukan kepada kaum buruh dan majikan. Dengan itu, penguatkuasaan Undang-undang Buruh 1955 didapati berkesan dan melegakan hati kaum buruh. Sebab itu, NUPW dan MTUC¹² telah menuntut lebih banyak keistimewaan bagi meningkatkan taraf hidup kaum buruh, khasnya di estet. Oleh kerana, kedua-dua kesatuan tersebut dipimpini dan diwakili oleh orang India maka, Tun Sambanthan banyak mendapat tekanan daripada mereka agar

¹² NUPW adalah Kesatuan Sekerja Buruh Ladang yang ditubuhkan oleh P.P. Narayanan pada tahun 1954. MTUC adalah Majlis Kesatuan Sekerja Malaya.

beliau terus memberi keutamaan kepada buruh India estet.¹³ Ini adalah sesuatu yang tidak adil kerana beliau menjalankan tugas kementeriannya kepada semua kaum buruh di Persekutuan Tanah Melayu walaupun tidak dapat dinafikan masalah serius hanya melanda dalam sektor perburuhan ladang getah.

Memandangkan ketidakpuashatian di kalangan buruh estet dan desakan kesatuan sekerja yang semakin meningkat, maka Tun Sambanthan juga merancang **penubuhan Lembaga Penasihat Buruh Persekutuan** untuk menjaga kebijakan golongan buruh dan beliau sendiri merupakan pengurusnya. Jawatankuasa diwakili oleh ahli-ahli daripada pihak kerajaan, majikan dan pekerja. Ia adalah "... a tripartite body set up to advise the minister on all questions affecting labour, met on four occasions."¹⁴ Ia telah bertindak sebagai badan penasihat kepada Menteri tentang sebarang perkara berkaitan dengan kaum buruh. Golongan buruh merupakan nadi ekonomi negara. Hampir 3/4 buruh tertumpu dalam sektor perladangan getah dan yang selebihnya menjadi buruh pembinaan, keretapi, lombong bijih timah dan sebagainya. Golongan ini selalu ditindas oleh majikan. Majikan pula mengabaikan kebijakan, keselamatan, kemudahan dan hak yang sepatutnya dimiliki oleh golongan buruh.

Tun Sambanthan, mengarahkan penubuhan lembaga ini bagi membincangkan tentang kebaikan yang boleh dimanfaatkan oleh kaum buruh. Di antara perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam lembaga ini ialah, penetapan elauan bersalin (tempoh dan bayaran), bayaran gaji secara mingguan, Ordinan Pekerjaan 1955, polisi Pekerjaan Skim Insuran Pengangguran, penubuhan Majlis Penasihat Buruh Gabungan Peringkat Kebangsaan, Ordinan Cuti Mingguan, pengenalan undang-undang majikan untuk

¹³ Selvakumaran Ramachandran, **Indian Plantation Labour in Malaysia**, S. Majeed & Co., Kuala Lumpur, 1994,hlm.307.

meluluskan Kesatuan Sekerja, Undang-undang berkaitan dengan mogok (*Industrial Disputes Order, 1951*), dasar gaji minimum dan kawalan kedai Todi.

Tun Sambanthan telah berusaha untuk mengkaji selidik tentang masalah kaum buruh. Lembaga ini penting sebagai badan penapis untuk memenuhi segala keperluan kaum buruh. Melalui perbincangan yang diadakan, Tun Sambanthan dapat mengetahui kehendak majikan dan kaum buruh. Perkara-perkara yang sesuai dan munasabah telah dipertimbangkan dari masa ke semasa.

Jawatankuasa Majlis Kesatuan Sekerja Malaya (MTUC) telah berjumpa dengan Tun Sambanthan pada 14hb September, 1955¹⁵ untuk mengemukakan beberapa masalah bersabit kebijakan buruh yang memerlukan perhatian terus daripada Menteri Buruh. Di antara perkara penting yang telah dibincangkan adalah penetapan gaji pokok, skim insurans bagi penganggur, pengajaran Bahasa Melayu dan Inggeris di sekolah-sekolah estet, Tabung *South Indian Labour Fund* digunakan bagi tujuan pembelian tanah, penyingkir pegawai-pegawai Eropah daripada Lembaga Buruh, penubuhan Kesatuan Majikan yang perlu dirunding dengan MTUC dan sebagainya.¹⁶

Bagi kebaikan kaum buruh India, perbincangan antara Menteri Buruh dengan Pengurus Jawatankuasa MTUC, Encik Nathan telah dipergiatkan lagi pada tahun 1956. Selepas penubuhan NUPW pada tahun 1954, P.P. Narayanan juga telah bersama-sama dengan K. Nathan mendesak Tun Sambanthan untuk melaksanakan beberapa perkara bersabit buruh di estet. Desakan seumpama ini bersifat perkauman. Mereka mendesak Tun Sambanthan kerana beliau juga berbangsa India. Harapan mereka adalah agar Tun

¹⁴ Ibid., hlm. 16.

¹⁵ Sangamani, 16 September 1955.

Sambanthan dapat melindungi kaum buruh di estet yang majoritinya berbangsa India. Peratus jumlah orang India yang bekerja sebagai buruh di estet adalah 52.8 berbanding dengan orang Melayu 18.6 dan orang Cina 28.2 pada tahun 1957.¹⁷ Misalnya, P.P. Narayanan kerap kali mengingatkan kerajaan untuk mengawal majikan kalau tidak pihak Kesatuan Sekerja terpaksa mengambil tindakan militan.¹⁸ Tindakan paling agresif Kesatuan Sekerja adalah melancarkan mogok lapar. Sebagai Menteri Buruh, Tun Sambanthan telah melayani segala tuntutan mereka dan pada masa yang sama sesetengah perkara bertindihan dengan bidangkuasa lain. Misalnya, tuntutan terhadap pengajaran Bahasa Melayu dan Inggeris di sekolah-sekolah estet adalah tertakluk kepada Kementerian Pelajaran tetapi melalui pelaksanaan Penyata Razak 1956, kedua-dua bahasa mula diajar dari peringkat sekolah rendah ke menengah.

Bagi faedah jangka panjang buruh India, Tun Sambanthan telah mencadangkan perubahan dalam fungsi tabung South Indian Labour Fund (SILF), agar boleh dimanfaatkan bagi tujuan penempatan semula. Tabung ini mula ditubuhkan pada tahun 1907 dengan nama *Indian Immigration Fund* dan mulai tahun 1912, dikenali dengan nama *Tamil Immigration Fund*.¹⁹ Sehingga tahun 1938, fungsinya adalah untuk menampung perbelanjaan pergi-balik buruh Tamil Selatan. Sejak tahun 1938, kerajaan India telah menghentikan penghantaran buruh dari India. Maka, fungsi tabung boleh

¹⁶ MTUC atau *Malayan Trade Union Congress* merupakan gabungan beberapa kesatuan sekerja yang telah ditubuhkan pada tahun 1950. Pengasas dan Presiden pertamanya adalah P.P. Narayanan. Pada tahun 1955, Presidennya ialah C. Nathan. *Ibid.*, hlm. 11.

¹⁷ Sandhu, Kernial Singh, *Indians in Malaya: some aspects of their immigration and settlement 1786-1957*, Cambridge at the University Press, 1969, hlm.257. (Jumlah penduduk Tanah Melayu di estet adalah 290,000).

¹⁸ Gamba, Charles, *The National Union of Plantation Workers (The History of the Plantation Workers of Malaya 1946-58*, Donald Moore for Eastern Universities Press Ltd., Singapore, 1962, hlm. 171.

¹⁹ Kementerian Buruh, No. Fall:172/ 58/ 7- *Sejarah Penubuhan S.I.L.F.*, Kuala Lumpur, 1939-71.

diubahsuaikan dan digunakan untuk menjaga kebijakan buruh Tamil di Tanah Melayu.²⁰

Tun Sambanthan berpendapat tabung ini boleh digunakan bagi tujuan pendidikan anak-anak buruh dan skim penempatan semula. Skim ini juga dianggap sebagai satu keperluan semasa kerana adanya ancaman daripada komunis.

Penempatan Semula atau *Resettlement* adalah satu usaha kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk memujuk masyarakat setinggan yang tinggal berhampiran kawasan hutan berpindah ke penempatan yang disediakan oleh kerajaan. Dalam pelaksanaan program ini, kerajaan banyak dibantu oleh MCA dari segi pengurusan wang kerana sasaran utama adalah orang Cina yang lebih terdedah kepada pengaruh komunis. Sebenarnya, *resettlement* adalah lanjutan daripada program ‘Kampung Baru’ yang dilaksanakan di bawah Rancangan Briggs sejak zaman Darurat (1948).

Manakala, hasrat *resettlement* bagi buruh India telah dikemukakan oleh Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, dalam Mesyuarat Belanjawan, Majlis Perundangan pada bulan November, 1952. Beliau telah berkata:

“The Indian labourer on the estate who has made this country his home also deserves a stake in the country, and to give him such a stake will be to the country's benefit. State and settlement governments are showing the greatest understanding and co-operation in this matter, and are now obtaining data regarding state or crown land suitable for alienist to Indian labourers.”²¹

²⁰ Gamba, Charles, **The National Union of Plantation Workers (The History of the Plantation Workers of Malaya 1946-58)**, Donald Moore for Eastern Universities Press Ltd., Singapore, 1962, hlm. 171.

²¹ Federation of Malaya, **Legislative Council Debates. Official Report of the Second Legislative Council (First Session) 30th August, 1955 to 13th September, 1956**, Government Printers, Kuala Lumpur, 1957, Column 1602.

Oleh kerana orang India majoritinya menjadi buruh estet, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mempunyai tanggungjawab untuk memperuntukkan tanah supaya hak mereka tidak terus diabaikan. Tambahan, dalam kes ini MIC tidak dapat memberi bantuan kewangan kepada kerajaan seperti yang telah dilakukan oleh MCA kerana MIC adalah parti kecil tanpa banyak keahlian dan kewangan. Kerajaan telah menunjukkan sambutan dingin terhadap hasrat Sir Gerald Templer kerana tanah atau lokasi *resettlement* yang sesuai tidak dapat disediakan. Presiden MIC ketika itu, K.L. Devaser tidak dapat mengorak langkah drastik kerana masalah kewangan.

Pada tahun 1956, dalam satu sesi perbahasan di Majlis Perundungan Persekutuan, K.L. Devaser telah membidas sikap Tun Sambanthan yang tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap perkara ini.²² Dalam menjawab soalan K.L. Devaser, Tun Sambanthan menyatakan bahawa beliau telah mengadakan perjumpaan dengan Encik Mustapha Al Bakri, Pengerusi Bahagian Hubungan Sosial dan Perindustrian.²³ Mereka bercadang untuk membentuk satu Jawatankuasa kecil bagi mengkaji masalah ini. Bahagian Hubungan Sosial dan Perindustrian meminta dua orang wakil²⁴ India yang boleh bekerja dalam jawatankuasa ini. Oleh kerana, Jawatankuasa belum mendapat nama dua orang wakil India, maka kerajaan tidak dapat bertindak segera. Tun Sambanthan menegur sikap K.L. Devaser dengan berkata:

²² Ibid.

²³ Ibid., Column. 1606.

²⁴ Wakil orang India dalam Majlis Perundungan ialah K.L. Devaser, P.P.Narayanan dan K. Ramani.

*"... easy nowadays to throw mud at the Government or at Government Departments or ministries but I wish that those who throw mud would also look at themselves."*²⁵

K.L. Devaser menuduh bahawa Tun Sambanthan tidak menjalankan kewajipannya dan tidak merelakan diri untuk menjadi wakil orang India dalam Jawatankuasa Kecil yang bakal ditubuhkan oleh Bahagian Hubungan Sosial dan Perindustrian. Walaupun Tun Sambanthan tidak dapat menyelesaikan masalah ini tetapi sebagai tanggungjawab kerajaan yang baru memperolehi kemerdekaan, pada tahun 1957 skim Felda telah dilancarkan.²⁶ Di bawah skim ini, ramai penduduk telah mendapat tanah untuk tujuan penempatan. Semasa pelancaran skim ini, Tun Sambanthan telahpun bertukar portfolio kepada Kementerian Kesihatan.

MTUC juga seringkali mendesak Tun Sambanthan sebagai Menteri Buruh, untuk mempercepatkan pindaan perlombagaan tabung *South Indian Labour Fund* agar wang tabung boleh digunakan untuk membeli tanah bagi tujuan penempatan semula. Desakan MTUC adalah berasas kerana ramai pengusaha ladang mula meninggalkan Persekutuan Tanah Melayu akibat fragmentasi. Ada kemungkinan wang tabung akan mengalir keluar ke negara lain, sedangkan ia sepatutnya dimanfaatkan bagi menjaga kebajikan buruh estet di Persekutuan Tanah Melayu. Walaupun perkara ini ditimbulkan sejak Sistem Ahli diperkenalkan tetapi pada ketika itu, pegawai British yang mengetuai Jabatan Buruh telah menjawab:

²⁵ Federation of Malaya, *Legislative Council Debates. Official Report of the Second Legislative Council (First Session) 30th August, 1955 to 13th September, 1956*, Government Printers, Kuala Lumpur, 1957, Column. 1607 dan 1608.

²⁶ *Malayan Nanban*, 11 Julai 1999.

*"... for Government to acquire privately owned land, as the Land Acquisition Law did not allow for this type of transaction."*²⁷

Pegawai British berpendapat kerajaan tidak berhak untuk membeli tanah-tanah persendirian malahan, mereka juga tidak pasti sama ada tabung SILF boleh digunakan untuk membiayai skim ini sebab, tabung diuruskan oleh pengusaha-pengusaha ladang. Apabila perkara yang sama ditujukan kepada Tun Sambanthan beliau telah mencadangkan pertukaran nama dan fungsi tabung ini.²⁸ Walaupun beliau mencadangkannya tetapi tidak dapat melaksanakannya kerana pada tahun 1957, Ong Yoke Lin telah menjadi Menteri Buruh. Mengikut kehendak Tun Sambanthan, Ong Yoke Lin telah menukar nama tabung kepada *South Indian Labour Fund* pada 30hb April 1957²⁹ dan wang tabung telah disalurkan kepada bantuan pendidikan anak-anak buruh estet.

Satu lagi masalah yang harus dihadapi oleh Tun Sambanthan sebagai Menteri Buruh ialah *regroupment*. Ia adalah salah satu program di bawah *resettlement* tetapi mempunyai cara pelaksanaan yang berbeza daripada asalnya. *Regroupment* tidak dibiayai oleh kerajaan dan di bawah program ini, ladang dan lombong yang berselerak akan disatukan atau dikumpulkan di suatu tempat yang dikenalpasti oleh pemilik ladang atau lombong.³⁰ Ia dibahagi kepada dua cara, iaitu *internal* dan *external* atau *extra estate*.³¹ Dalam cara pertama, *regroupment* akan dibuat dalam estet asal sahaja manakala cara kedua, *regroupment* dibuat ke atas ladang-ladang kecil dalam estet yang besar, selalunya

²⁷ Josey, Alex, *Trade Unionism in Malaya*, Donald Moore Singapore, 1954, hlm. 106.

²⁸ Keterangan oleh Encik R.A. Abdul Karim (selaku wakil MTUC) dalam perbahasan Dewan Rakyat pada tahun 1958. *Malaysian Nanban*, 11 Julai 1999.

²⁹ *Malaysia Nanban*, 11 Julai 1999.

³⁰ Sandhu Kernal Singh, "Emergency Resettlement in Malaya", *The Journal of Tropical Geography*, Vol.18, 1964, hlm.157-183.

dimiliki oleh pengusaha Eropah. Ramai buruh India estet tidak berapa selesa dengan kaedah kedua kerana kadang-kala mereka akan dipisahkan daripada sanak-saudara. Cara *external* juga telah mengurangkan bilangan ladang di Persekutuan Tanah Melayu dan pada masa yang sama telah memudahkan pengurusan dan pentadbiran estet.

Dalam satu mesyuarat Pesuruhjaya-pesuruhjaya Buruh, DCL (Delegation Commissioners of Labour) yang telah diadakan pada bulan September 1956, Tun Sambanthan telah meminta penubuhan satu Jawatankuasa Kerja bagi mengkaji pelaksanaan *regroupment* dan tindakan segera ke atas perkara ini perlu memandangkan masa depan estet dalam mengekalkan sektor perladangan getah. Katanya:

*"To examine the future of estate and other regroupments when their existence is no longer necessary on security grounds and to recommend the action to be taken by Government in this matter."*³²

Pada tempoh masa ini, pengusaha estet Eropah tidakpun memenuhi tanggungjawab mereka untuk memperuntukkan sebidang kecil tanah kepada buruh estet untuk bercucuk tanam. Apabila perisytiharaan kemerdekaan dibuat, mereka mula menjual estet kepada unit-unit kecil (Fragmentasi) dan pulang ke negara masing-masing. Tun Sambanthan, selaku Menteri Buruh, berpendapat adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan buruh estet, yang sebilangan besar telah mendapat kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu.

Timbul juga kerisauan tentang pengaruh PKM jika masalah *regroupment* berlanjutan tanpa kawalan kerajaan. Jawatankuasa Kerja ini telah mengemukakan beberapa usul kepada Menteri Buruh. Antaranya:³³

³¹ Ibid.

³² Ibid.

³³ Ibid.

- (i) Estet dicantumkan dengan gelaran *parent estate* dan kesemua buruh dari ladang-ladang yang telah dicantumkan akan tinggal di *parent estate* dan kemudahan tempat tinggal akan diawasi oleh Jabatan Buruh.
- (ii) Buruh dibenarkan terus tinggal di estet yang asal sekiranya *parent estate* tidak mewajibkan ia sebagai tempat tinggal yang kekal.
- (iii) Seseorang individu tinggal dalam *Regroupment* yang mempunyai tanah seharusnya dibenarkan tinggal di tanah mereka.
- (iv) Kelonggaran untuk terus tinggal di estet masing-masing perlu diberikan kerana ini penting untuk pembentukan masyarakat.

Jelasnya, Jawatankuasa Kerja berpendapat campurtangan kerajaan amat dinanti-nantikan kerana untuk menjaga kebijakan dan keselamatan buruh estet. Sekiranya kesemua usul tersebut tidak dapat dilaksanakan, Jawatankuasa Kerja berpendapat lebih baik buruh dipindahkan ke kampung atau bandar yang terdekat sekali.³⁴ Kerajaan telah bersetuju dengan pelaksanaan idea ini. Ini kerana:

*"There is a strong moral claim for their needs in the way of land to be provided for by their employers and in fact there is a legal obligation under the labour laws to supply workers on estates with a small proportion of land on which to grow food."*³⁵

Sebagai Menteri Buruh, Tun Sambanthan kerap kali mengadakan perjumpaan dengan *Commissioner of Labour* dari setiap negeri³⁶ bagi mengkaji keberkesanan pelaksanaan rancangan *regroupment*. Ia dianggap sebagai satu keperluan semasa dan

³⁴ *Ibid.*, hlm. 2.

³⁵ Kementerian Buruh Malaysia, *No.Fail: 30/11/76-Working Committee estate and other regroupments,Corry Report on a General Survey of New Villages*, Kuala Lumpur, 1939-74.

³⁶ Pada tahun 1956, 353 'Regrouping' telah diusahakan dalam Persekutuan Tanah Melayu melibatkan 37,882 orang buruh. Di antara negeri yang paling tinggi mencatatkan kewujudan 'Regrouping' adalah Johor (83), Negeri Sembilan (63), Perak (57) dan Melaka (53).

tugas terpenting bagi menteri Buruh pertama kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam proses mencorakkan pentadbiran sendiri bagi negara yang bakal mendapat kemerdekaan. Jawatankuasa Kerja *Regroupment* juga meminta Menteri Buruh untuk mendapatkan peruntukan wang bagi pelaksanaan rancangan ini. Pada 12hb September 1956, Majlis Perundangan Persekutuan telahpun meluluskan \$330,000 untuk menaikkan taraf kawasan-kawasan *Regroupment* di Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.³⁷ Rancangan *Regroupment* berterusan walaupun Tun Sambanthan telah bertukar portfolio pada tahun 1957.

Sebagai pemimpin orang India dalam kerajaan, Tun Sambanthan selalu didesak oleh pihak NUPW dan MTUC untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi kaum buruh India. Tetapi, sebagai pemimpin Perikatan, beliau harus bertindak atas keputusan kabinet dan demi kepentingan negara. Dengan itu, Tun Sambanthan mula memberi tumpuan terhadap tindakan subversif **Kesatuan Sekerja dan pelancaran mogok**.

"Its main way of gaining power is through trade unions, complete control of which gives complete control over the economic life of the country, which in turn gives complete political control".³⁸

Kementerian Buruh memikul tugas pengawasan ke atas kegiatan Kesatuan Sekerja supaya ia tidak menjadi boneka pihak-pihak berkepentingan seperti komunis. Misalnya, NUPW, pembela nasib buruh India estet muncul sebagai satu-satunya kesatuan sekerja yang tidak dapat dicabar sehingga pertengahan tahun 1960-an.³⁹ Kawalan terhadap

³⁷ Kementerian Buruh Malaysia, *Fайл 30/3/14/3- Subversion in Trade Unions and Counter-action by Labour Department*, Kuala Lumpur, 1939-74. (Kesemua keterangan tentang kawalan Kesatuan Sekerja adalah dari sumber yang sama).

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, S. Abdul Majeed & Co., Kuala Lumpur, 1994, hlm. 251.

Kesatuan Sekerja dijalankan dalam tiga cara iaitu melalui keahlian, kepimpinan dan orang upahan (mata gelap) dalam sesuatu kesatuan.⁴⁰ Kawalan melalui cara ketiga adalah popular di Tanah Melayu. Kementerian lebih berminat untuk membayar kepada pengintip daripada mengawal keahlian dan kepimpinan Kesatuan Sekerja.⁴¹

Pada tahun 1955, Kementerian Buruh telah mengamalkan polisi berbaik-baik dengan Kesatuan Sekerja. Kerajaan cuba menunaikan segala tuntutan mereka. Yang penting adalah *cultivation of a proper relationship*.⁴² Segala masalah bersabit buruh dikaji dan dicari penyelesaian. Sebab itu, Tun Sambanthan menjadikan satu rutin untuk merasmikan Mesyuarat Agong Kesatuan Sekerja di peringkat negeri.⁴³ Beliau cuba menjalinkan hubungan baik antara kerajaan dan Kesatuan Sekerja.

Ini dianggap cara terbaik untuk mengelakkan masalah mogok yang telah menjadi agenda utama Kesatuan Sekerja pada tahun 1955 dan 1956. Daripada 213 mogok yang telah dilancarkan di Persekutuan pada tahun 1956, hanya 61 menuntut pertambahan gaji dan 67 tentang penyingkiran pekerja.⁴⁴ Misalnya, mogok di Lombong Emas Raub pada 15.12.1956 adalah berpunca daripada permintaan gaji tinggi dan tuntutan suasana bekerja yang lebih selesa.⁴⁵ Semasa sesi perbahasan di Majlis Perundangan, Tun Sambanthan menjawab bahawa:

“Ministry have been in close and constant touch with the Union Branch of the Malayan Mining Employees Union and with the employers since 23/11/1956.”⁴⁶

⁴⁰ Kementerian Buruh Malaysia, *Fайл 30/3/14/3- Subversion in Trade Unions and Counter-action by Labour Department*, Kuala Lumpur, 1939-74.

⁴¹ *Ibid.*

⁴² *Ibid.* (Ucapan Tun Sambanthan).

⁴³ *Tamil Murasu*, 28 Oktober 1955.

⁴⁴ Alex Josey, *Trade Unionism in Malaya*, Donald Moore, Singapore, 1954, hlm. 61.

⁴⁵ Federation of Malaya, *Legislative Council Debates. Official Reports of the Second Legislative Council (Second Session), October, 1956 to August 1957*, Government Printers, Kuala Lumpur Column 2394.

⁴⁶ *Ibid.* Column. 2394.

Cara yang telah diamalkan oleh Kementerian Buruh tidak dapat mententeramkan keadaan. Kebanyakan waktu, kanak-kanak juga digunakan dalam kegiatan mogok. Tun Sambanthan telah mengusulkan *The Trade Disputes (Amendment) Bill, 1956*.⁴⁷ Undang-undang ini menghalang kanak-kanak daripada menyertai mogok dan boleh dikenakan tindakan berhenti sekolah sekiranya berbuat demikian.

Masalah mogok adakalanya bertukar menjadi lebih ganas sehingga bantuan polis diperlukan. Kerajaan tidak dapat menunaikan segala tuntutan Kesatuan Sekerja. Ada masa, kerajaan memerlukan masa yang lama untuk menunaikan tuntutan mereka. Pihak kerajaan juga diletakkan dalam dilema kerana perlu melayan Kesatuan Sekerja dan juga majikan. Bukan mudah untuk memuaskan semua kehendak mereka. Mogok menjadi satu fenomena dalam tuntutan hak buruh di Tanah Melayu.

Kebanyakan mogok adalah berpunca daripada sikap tidak puashati golongan buruh India estet khasnya penoreh getah terhadap gaji yang diterima oleh mereka. Pada tahun 1956, *National Union Plantation of Workers (NUPW)* telah menuntut gaji minimum harian sebanyak \$3.⁴⁸ Pada 24hb April, 1956, Majlis Eksekutif NUPW telah bermesyuarat dan meluluskan polisi 'GO-SLOW' di estet dan juga menghantar surat pekeliling kepada kesemua ahlinya di estet meminta supaya berhenti kerja, tidak bekerja lebih masa (*overtime*), pada hari hujan dan cuti penuh sehari dalam seminggu.⁴⁹ Motif utama polisi *GO-SLOW* adalah untuk mengurangkan produktiviti.

⁴⁷ Federation of Malaya, *Legislative Council Debates, Official Report of the Second Legislative Council (First Session) 30th August, 1955 to 13th September, 1956*, Government Printers, Kuala Lumpur.

⁴⁸ Federation of Malaya, *Legislative Council Debates, Official Report of the Second Legislative Council (First Session) 30th August, 1955 to 13th September, 1956*, Government Printers, Kuala Lumpur.

⁴⁹ *Ibid.*, hlm. 166.

P.P. Narayanan, Setiausaha Agong NUPW memberi amaran kepada pemilik-pemilik ladang bahawa sekiranya tuntutan mereka tidak dilayani, "*the trade union movement will be driven into taking more militant action*"⁵⁰ Tambahnya lagi, "*It is the duty of Government to see that they (employers) don't drive us to the wall.*"⁵¹

Kekuatan sebenar Kesatuan sekerja telah ditunjukkan oleh NUPW dengan melancarkan beberapa siri mogok dan demonstrasi selepas pelancaran polisi *GO-SLOW*. Tun Sambanthan, selaku Menteri Buruh mengadakan perjumpaan dengan pemilik estet (majikan) dan NUPW untuk menjernihkan suasana. Beliau memang mempunyai tanggungjawab besar dalam hal ini seperti dilihat,

*"It comes from the Minister for Labour who invited both parties to the dispute for afternoon tea and suggested an interim agreement."*⁵²

Hasilnya, *Joint Consultative Council* (Majlis Gabungan Perunding) ditubuhkan untuk menamatkan demonstrasi *GO-SLOW*. Oleh kerana kerajaan mengambil langkah serta-merta maka mogok besar-besaran dapat dielakkan. Rundingan di antara tiga pihak akhirnya membawa hasil dengan "... *the acceptance of a wage rate of \$3.20 at the level of 70-80 cents and a wage rate of \$3 at the level of 60-70 cents.*"⁵³ Pada bulan Jun 1956, masalah gaji penoreh getah dapat diselesaikan. Tun Sambanthan menunjukkan minat yang bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan masalah ini. Ini kerana pekerja ladang yang merupakan golongan terbesar dalam kategori buruh di Persekutuan Tanah Melayu yang menyumbang ke arah kemajuan ekonomi negara. Tanpa mereka jentera negara tidak

⁵⁰ Ibid., hlm. 171.

⁵¹ Ibid.

⁵² Ibid., hlm. 214.

dapat digerakkan. Tambahan buruh ladang kebanyakannya adalah berbangsa Tamil. Mengikut data Jabatan Buruh bertarikh 31.12.1954, buruh estet dari India Selatan adalah berjumlah 135,075 orang.⁵⁴

Selaku Presiden MIC, Tun Sambanthan juga mempunyai obligasi untuk menyelesaikan masalah gaji yang membabitkan bangsanya yang secara kebetulan membabitkan $\frac{3}{4}$ buruh di Persekutuan Tanah Melayu yang terdiri daripada buruh India estet. Tetapi hasilnya dirasai oleh semua buruh tanpa mengira bangsa dan agama. Tun Sambanthan pula menggunakan kuasa kementeriannya untuk mendesak pengusaha ladang bagi melayani tuntutan gaji supaya tidak berlaku sebarang tindakan subversif yang boleh membawa kepada ketidakstabilan ekonomi dan politik.⁵⁵ Tetapi perlu diingat, tuntutan gaji adalah isu semasa yang berubah mengikut masa.⁵⁶

Satu lagi masalah yang menular dalam budaya buruh India estet adalah tabiat meminum **todi**.⁵⁷ Amalan ini menyebabkan buruh India boros dan terheret kepada beberapa masalah anti-sosial. Perniagaan 'todi' telah dimulakan oleh pemilik estet untuk mengaut laba yang banyak. Keuntungan daripada kedai todi disalurkan kepada pembangunan sosial masyarakat estet seperti membina kuil, pementasan drama, rekreasi, sukan, kemudahan bilik bacaan, kebajikan, panggung wayang, pengangkutan sekolah

⁵³ Ibid., hlm. 226. (Pernyataan ini disokong oleh Encik Ratnam, bekas Setiausaha NUPW dalam satu temubual pada 29 Disember 1999, di ibu pejabat NLFCs, Kuala Lumpur.)

⁵⁴ Charles Gamba, **The National Union Of Plantation Workers (The History of the plantation Workers of Malaya 1946-1958)**, Donald Moore for eastern Universities Press Ltd., Singapore, 1962, hlm. 189. Buruh Cina - 81,590; buruh Melayu dan Indonesia - 54,728 dan lain-lain - 845.

⁵⁵ Selvakumaran Ramachandran, **Indian Plantation Labour in Malaysia**, A.Majeed & Co., Kuala Lumpur, 1994, hlm. 267.

⁵⁶ **The New Straits Times**, 19 May 2000. Selepas 44 tahun, MIC telah menuntut gaji bulanan sebanyak RM 1, 200.00 bagi pekerja ladang.

⁵⁷ Sandhu Kernial Singh, **Indians in Malaya: some aspects of their Immigration and settlement (1786-1959)**, Cambridge at the University Press, 1969, hlm. 135.

"The toddy or palm wine as the fermented sap of the tar or palmyra (*Borassus flabellifera*; sanskrit *tala*) and also of other palms such as date and coconut. In Malaya, toddy is derived solely from the coconut and is used almost wholly for drink".

dan sebagainya.⁵⁸ Pada tahun 1953, terdapat 286 buah kedai todi di seluruh Persekutuan Tanah Melayu.⁵⁹

Sebagai Presiden MIC, Tun Sambanthan gagal untuk membanteras tabiat ini di kalangan buruh India, namun sebagai Menteri Buruh, beliau mempunyai kuasa untuk bertindak lebih tegas terhadap kawalan todi di estet. Beliau menggunakan pendekatan undang-undang bagi mengawal perniagaan todi di estet.

Pada tahun 1956, *Commissioner of Labour* diarahkan untuk mengetatkan syarat-syarat⁶⁰ perniagaan todi di estet. Sekiranya hendak memulakan perniagaan todi, pengurus estet perlu memastikan estet mempunyai tidak kurang daripada 75 orang lelaki India Selatan yang berumur 18 tahun ke atas. Kedua, pengurus juga perlu mengambil undi dari semua penduduk berbangsa India Selatan tanpa mengira jantina. Keputusan perlu dihantar ke Pejabat Buruh tempatan.

Seseorang pengurus yang sudah memperolehi lesen todi, harus membuka dua akaun, iaitu Akaun Pengeluaran Jualan Todi dan Akaun Pengagihan Untung kedai Todi. Akaun pertama menunjukkan perbelanjaan sewa kedai, duti, pembelian alatan kedai, gaji penoreh todi dan sebagainya. Manakala, menurut akaun kedua keuntungan kedai todi harus disalurkan kepada pembelian hadiah dan makanan semasa hari Deepavali atau perayaan lain (tidak melebihi harga \$2 perseorang), hiburan (kecuali permainan mercun), pembinaan dan baik pulih kuil dan gereja, gaji sami kuil, rekreasi dan sukan, majlis dan pemberian hadiah di sekolah dan bekalan peralatan kepada buruh. Pengurus

⁵⁸ Federation of Malaya, Legislative Council Debates. Official Reports of the Second Legislative Council (First Session), 30th August 1955 to 13th September, 1956, Government Printers, Kuala Lumpur, Column 979.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ Kementerian Buruh, No. Fail 30/3/14/12, DCL's Conference - Toddy Shops, Kuala Lumpur, September, 1956.

estet perlu mengemaskinikan akaun-akaun mereka supaya tidak menyeleweng daripada syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan

Buruh. *Commissioner of Labour* (Pesuruhjaya Buruh) perlu mempersetujui pemberian lesen sebelum Lembaga Lesen bertindak.

Walau bagaimanapun, Menteri Buruh melahirkan rasa kecawa terhadap penguatkuasaan syarat-syarat perniagaan todi di estet. Beliau telah menegaskan bahawa *Commissioner of Labour* tidak boleh membenarkan Lembaga Lesen untuk mengeluarkan lesen selagi pengurus tidak memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Kementerian. Beliau juga mengarahkan supaya lesen ditarik balik sekiranya kedai todi beroperasi di estet yang mempunyai kurang daripada 75 orang lelaki India Selatan.⁶¹

Walaupun arahan demi arahan dikeluarkan dari pihak Kementerian Buruh namun aktiviti todi di estet tidak dapat dikawal. Ini kerana permintaan terhadap todi semakin tinggi di kalangan buruh India. Pengurus estet pula tidak bekerjasama dengan kerajaan. Masalah berterusan sehingga 11hb Mac, 1958, apabila kerajaan mengusulkan satu dasar untuk menutup semua kedai todi di estet.⁶² Pada masa itu, Tun Sambanthan telahpun menjadi Menteri Kesihatan.

Beliau menjadi Menteri Buruh selama 2 tahun sepenuhnya (1955-1957) dan pada tahun 1957 beliau telahpun bertukar portfolio kepada menteri Kesihatan. Memanglah bukan semua tindakannya berjaya, ini kerana sebagai perintis Tun Sambanthan tidak mempunyai keupayaan untuk mengubah sikap individu dan masyarakat yang telah tertanam berpuluhan tahun sebelum tanggungjawabnya sebagai menteri Buruh bermula. Lagipun, bukan mudah untuk melaksanakan undang-undang yang selama ini sangat asing

⁶¹ Ibid. Surat daripada S. Grandy, *Commissioner of Labour, Federated of Malaya* kepada semua D.C.L's (5hb Disember, 1956).

bagi sebuah negara yang baru dua tahun mencapai kemerdekaan. Walauapapun, Tun Sambanthan telah berusaha sedaya yang mungkin.

Tun Sambanthan cuba meneliti dan mengatasi beberapa masalah bersabit buruh estet yang dianggap serius dan telah diabaikan oleh kerajaan British. Walaupun terdapat pelbagai kategori buruh, namun banyak masalah timbul berkaitan dengan buruh ladang getah dan ini secara tidak langsung melibatkan 90% orang India di Persekutuan Tanah Melayu. Beliau telah melayani tuntutan-tuntutan Kesatuan Sekerja seperti gaji agar kegiatan subversif mereka dapat dikurangkan. Usaha pembasmian amalan todi juga pernah dilaksanakan walaupun tidak berjaya. Tun Sambanthan telah menguatkuasakan Undang-undang Buruh supaya dapat menjaga dan memperbaiki taraf hidup kaum buruh estet. Walaupun, tugas-tugas yang dilaksanakan sebagai Menteri Buruh adalah ditujukan kepada semua kaum buruh di Persekutuan Tanah Melayu tetapi secara tidak kebetulan kaum buruh India estet turut dimanfaatkan.